

## PEMBUNUHAN J.W.W. BIRCH: SUATU KAJIAN TENTANG PEMBUNUHNYA\*

Oleh

ABDULLAH ZAKARIA B. GHAZALI

KEMATIAN J.W.W. Birch pada 2hb. November 1875 di Pasir Salak, Perak mencatatkan suatu trajidi penting dalam perkembangan sejarah perjuangan orang Melayu. Kematian ini bukan sahaja menggambarkan tentang terhadap campur-tangan British dan pengenalan unsur-unsur baru di Perak malah ia menjadi lebih penting kerana matinya residen pertama di Perak dan Tanah Melayu akibat dari tindakbalas orang Melayu ke atas campur-tangan Inggeris.

Setakat ini timbul beberapa kekeliruan tentang siapakah pembunuh J.W.W. Birch. Timbulnya kekeliruan ini disebabkan terdapatnya beberapa percanggahan dalam tulisan-tulisan yang telah diterbitkan. Memandangkan timbulnya masalah ini maka dirasakan amat perlu sekali mencari penyelesaian dan menentukan siapakah yang sebenarnya bertanggungjawab membunuh J.W.W. Birch. Dalam usaha mencari penyelesaian ini beberapa buah buku dan kajian serta rekod-rekod resmi British akan digunakan.

James Wheeler Woodford Birch sebelum menjawat jawatan Residen British pertama di Perak, 4hb. November 1874 pernah bertugas sebagai *midshipman* dalam *Royal Navy* dan bertugas di Ceylon; hingga dinaikkan pangkat menjadi Agen Kerajaan di Provinsi Timur dan merupakan pangkat yang paling tinggi di Ceylon. Dalam tahun 1870 beliau dilantik menjadi Setiausaha Kolonial Negeri-Negeri Selat.<sup>1</sup>

Walaupun banyak tulisan-tulisan menyentuh mengenai pembunuhan J.W.W. Birch tetapi ada di antara tulisan ini tidak menyentuh tentang siapa pembunuhnya. R.J. Wilkinson dalam bukunya *Papers On Malay Subjects* hanya mencatatkan:

A spear was thrust through the tin thatch partition, and Mr. Birch was seen to fall into the water. He rose to the surface, was slashed at with a sword, and then sank finally.<sup>2</sup>

\* Terdapat beberapa tokoh dalam essei ini nama-nama mereka dieja berdasarkan rekod-rekod resmi Inggeris.

<sup>1</sup> F. Swettenham, *Malay Sketches*, London, 1895, hal. 227. Lihat juga C.D. Cowan, *Tanah Melayu Kurun Kesembilan Belas*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1970, hal. 300. Juga C.D. Cowan, *Nineteenth Century Malaya*, Oxford University Press, London, 1967, hal. 220. R.J. Wilkinson, *Papers on Malay Subjects*, OUP, Kuala Lumpur, 1971, hal. 105. Chai Hon-Chan, *The Development of British Malaya 1886–1909*, OUP, Kuala Lumpur, 1967, hal. 9. J. Kennedy, *A History of Malaya*, The Macmillan Press Ltd., London, 1975, hal. 170. J.M. Gullick, *Malaysia*, Ernest Benn Limited, London, 1969, hal. 49. Philip Loh Fook Seng, *The Malay States 1877–1895*, OUP, Singapore, 1969, hal. xiii. Emily Sadka, *The Protected Malay States 1874–1895*, OUP, Kuala Lumpur, 1970, hal. 77–78. F. Swettenham, *Footprints in Malaya*, Hutchinson & Co. Ltd., London, 1942, hal. 54. W.R. Roff, *Stories and Sketches by Sir Frank Swettenham*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1967, hal. 74.

<sup>2</sup> R.J. Wilkinson, *Papers on Malay Subjects*, hal. 116.

Manakala C.D. Cowan juga memberi gambaran ringkas tentang pembunuhan J.W.W. Birch di mana mencatatkan "... Birch telah ditikam dan ditetak sehingga mati".<sup>3</sup> Chai Hon-Chan juga mencatatkan tentang bagaimana kematian J.W.W. Birch di mana:

On 2nd November 1875, in the village of Pasir Salak, an infuriated mob of Malays set on the Resident [J.W.W. Birch], who was speared to death while taking a bath in the river.<sup>4</sup>

W.S. Morgan dalam bukunya *Kesah Tanah Melayu* ada juga menyentuh tentang kematian J.W.W. Birch di mana mencatatkan:

Maka pada suatu hari sedang ia [J.W.W. Birch] di dalam rumah mandi di perahunya datang seorang menikam dari luar, daun atap dinding tempat mandi itu lantas dan Tuan Birch pun tertikam lalu mati.<sup>5</sup>

Manakala R.O. Winstedt dalam bukunya *Malaya and its History* tidak menyatakan orang yang bertanggungjawab membunuh Mat Arshad (kerani dan jurubahasa J.W.W. Birch) dan J.W.W. Birch; di mana:

The Malays tore down the notices, stabbed the clerk [Mat Arshad] and speared Mr. Birch through the flimsy palm-leaf walls of a bath-house. The date was 2 November, 1875.<sup>6</sup>

Juga R.O. Winstedt dalam bukunya *Malaya* mencatatkan:

Mr. Birch was speared while distributing this document [proclamation transferring the administration of the state to the Resident].<sup>7</sup>

Eunice Thio hanya mencatatkan bahawa residen British yang pertama Perak telah dibunuh.<sup>8</sup> J. Kennedy pula mencatatkan:

When Birch arrived at the Maharaja's [Lela] village, Pasir Salak, on November 1st, he was confronted with a scene of armed hostility which he

<sup>3</sup>C.D. Cowan, *Tanah Melayu Kurun Kesembilan Belas*, hal. 321; *Nineteenth Century Malaya*, hal. 234.

<sup>4</sup>Chai Hon-Chan, *The Development of British Malaya 1896–1909*, hal. 11.

<sup>5</sup>W.S. Morgan, *Kesah Tanah Melayu*, The Malaya Publishing House Ltd., Singapore, 1947, hal. 100.

<sup>6</sup>R.O. Winstedt, *Malaya and its History*, Hutchinson University Library, London, 1969, hal. 68.

<sup>7</sup>R.O. Winstedt, *Malaya, the Straits Settlements and the Federated and Unfederated Malay States*, London, 1923, hal. 148.

<sup>8</sup>E.O. Thio, *British Policy in the Malay Peninsula 1880–1910*, Vol. 1. Oxford University Press, Singapore, 1969, hal. xx; 4, 36.

either underestimated or simply ignored. The posting of the proclamations next morning on the wooden walls of a Chinese shop-house served as a signal for the attack on Birch. The proclamations were torn down, and Birch was speared to death through the palm-leaf walls of the riverside bath-house near which his boat lay moored.<sup>9</sup>

J.M. Gullick juga menyentuh sedikit tentang pembunuhan J.W.W. Birch ini di mana mencatitkan:

Their combined efforts to bring about this change led to a Malay revolt in November 1875 in which Birch was assassinated.<sup>10</sup>

Donald Moore juga mencatitkan perkara ini di mana:

He and his small party reached Pasir Salak late at night on 1 November and the proclamations were exhibited under the Maharaja's [Lela] agitated gaze the following morning. The immediate and wholly foreseeable result was that a maddened crowd killed the interpreter who was posting the notices and then descended upon the flimsy riverside hut in which Birch was taking his morning bath and hacked him to death.<sup>11</sup>

Manakala Philip Loh Fook Seng hanya menyentuh tentang J.W.W. Birch dibunuh pada 2hb. November 1875 dan hukuman gantung ke atas Seputum pada 20hb. Mei 1876 dan hukuman gantung ke atas Maharaja Lela, Pandak Indut dan Datuk Sagor pada 20hb. Januari 1877 serta pembuangan Raja Ismail ke Johor.<sup>12</sup> Juga W.R. Roff ada mencatitkan tentang pembunuhan ini di mana mencatitkan bahawa pembunuhan itu berlaku pada tahun 1875.<sup>13</sup> Pembunuhan J.W.W. Birch juga ada disentuh oleh Lim Teck Ghee tetapi hanya mencatitkan pembunuhan itu berlaku pada November 1875.<sup>14</sup> Emily Sadka tidak juga memberi gambaran tentang bagaimana dan siapa yang memulakan pembunuhan ke atas J.W.W. Birch. Beliau hanya mencatitkan bahawa J.W.W. Birch telah dibunuh di Pasir Salak.<sup>15</sup> J.F.A. McNair pula mencatitkan di dalam bukunya seperti berikut:

<sup>9</sup> J. Kennedy, *A History of Malaya*, hal. 176.

<sup>10</sup> J.M. Gullick, *Malaysia*, hal. 54.

<sup>11</sup> Donald Moore, *The Magic Dragon*, Granada Publishing Limited, 1975, hal. 140.

<sup>12</sup> Philip Loh Fook Seng, *The Malay States 1877–1895*, hal. xiii.

<sup>13</sup> W.R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, Pustaka Ilmu, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1967, hal. 16; *Nasionalisma Melayu* (terjemahan) Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975, hal. 20.

<sup>14</sup> Lim Teck Ghee, *Peasants and Their Agricultural Economy in Colonial Malaya 1874–1941*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1977, hal. 10.

<sup>15</sup> E. Sadka, *The Protected Malay States*, hal. 91–92.

. . . he was savagely attacked, some of the Malays driving their keen lembings through the rattan mat that formed a screen, while others went to the end of the bath, and, as the wounded Resident [J.W.W. Birch] struggled up out of the water, one man cut at him with a sword, when he sank, and for the time being was seen no more.<sup>16</sup>

Mengenai J.W.W. Birch dibunuh ini ada juga disentuh sedikit oleh C.M. Turnbull di mana menegaskan bahawa J.W.W. Birch dibunuh dalam tahun 1875.<sup>17</sup> Manakala dalam bukunya *Footprints in Malaya*, F. Swettenham mencatatkan yang beliau mendapat berita kematian J.W.W. Birch, rumah J.W.W. Birch ditawan oleh Maharaja Lela, tentera India terbunuh atau lari dan orang Melayu menunggu untuk membunuohnya dari Haji Ali.<sup>18</sup> Dalam jurnalnya pula beliau mencatatkan tentang pembunuhan J.W.W. Birch seperti berikut:

We [Swettenham and his party] have just reached Blanja and Haji Ali [Ali] has come to say [tell] Mr. Birch and 16 others, including Marshat [Mat Arshad] and Ladgis [Lagis] have been killed at Passir [Pasir] Salak by the Maharaja Lela's people.<sup>19</sup>

Dari beberapa buku yang dibincangkan setakat ini langsung tidak ada menyebut tentang peristiwa bagaimana pembunuhan itu berlaku dan siapa yang bertanggungjawab. Walaupun begitu ini bukanlah menunjukkan kelemahan buku-buku ini. Dikatakan demikian, kerana kajian dan tulisan itu bukanlah suatu kajian khusus tentang pembunuhan J.W.W. Birch. Oleh itu suatu perkara yang seharusnya diakui di sini, sekurang-kurangnya kajian dan tulisan itu ada menyentuh tentang pembunuhan J.W.W. Birch; dan dapat memberi panduan kepada kajian tentang pembunuhan J.W.W. Birch. Namun demikian tentang tarikh pembunuhan J.W.W. Birch adalah sama iaitu November 1875.

Manakala dalam perbincangan seterusnya akan disentuh pula tulisan-tulisan yang menyentuh tentang pembunuhan J.W.W. Birch dan ada mencatatkan orang yang bertanggungjawab ke atas pembunuhan itu. Walaupun demikian dalam tulisan-tulisan yang akan disentuh nanti terdapat percanggahan tentang orang yang bertanggungjawab membunuh J.W.W. Birch itu. A. Talib bin Haji Ahmad ada menyentuh tentang pembunuhan J.W.W. Birch ini di mana mencatatkan bahawa J.W.W. Birch dibunuh di Pasir Salak pada 2hb. November 1875 oleh Si Bunga, iaitu keturunan Batak dan hamba Datuk Maharaja Lela.<sup>20</sup> Haji Buyong Adil juga ada membincangkan perkara ini di dalam bukunya *Sejarah Perak* di mana mencatatkan:

<sup>16</sup> J.F.A. McNair, *Perak and the Malays*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972, hal. 370.

<sup>17</sup> C.M. Turnbull, 'The Nineteenth Century', in Wang Gungwu (ed.), *Malaysia: A Survey*, Frederick A. Praeger, New York, 1965, hal. 136.

<sup>18</sup> F. Swettenham, *Footprints in Malaya*, hal. 57–58.

<sup>19</sup> P.L. Burns & C.D. Cowan (ed.) *Swettenham's Malayan Journal 1874–1876*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1975, hal. 318.

<sup>20</sup> A. Talib bin Haji Ahmad, *Riwayat Kinta*, Pustaka Rusna, Kuala Lumpur, 1959, hal. 47.

Tatkala Mat Arshad mencuba hendak menampalkan surat itu lagi [sebelum ini telah dikoyakkan], Pandak Endut [Pandak Indut] yang ada dekat di situ dengan serta-merta telah menikam Mat Arshad. Orang ramai yang berkerumun itu pun datang menyerbu ke rumah rakit tempat Birch mandi itu sambil merejamkan lembing, dan sebatang daripada lembing-lembing yang direjamkan oleh orang ramai itu telah menembusi dinding atap rumah-rakit itu dan telah menikam Birch yang ada di dalamnya; Birch tercampak jatuh ke dalam sungai (Sungai Perak), dan sedang Birch mencungap-cungap dipermukaan air sungai itu seorang yang bernama Seputum telah menetak kepala Birch dengan pedang dan Birch pun tenggelam lalu mati.<sup>21</sup>

Frank Swettenham yang ada di Perak ketika J.W.W. Birch dibunuh dan hadir dalam perbicaraan ke atas mereka yang bertanggungjawab dalam pembunuhan J.W.W. Birch ada menyentuh tentang pembunuhan J.W.W. Birch. Swettenham mencatatkan di mana pengisytiharan yang ditampalkan oleh Mat Arshad di Kedai China telah dikoyakkan oleh Pandak Indut tetapi Mat Arshad menampalkannya semula. Dengan itu Pandak Indut menikam Mat Arshad dengan lembing dan berteriak supaya mengamok. Seterusnya mencatatkan:

The crowd instantly rushed for the bath-house, and attacked the boatmen, and any of the Resident's party within reach. Spears were thrust through the bath-house, and Mr. Birch sank into the river, coming to the surface just below the bath-house, when he was immediately slashed on the head with a sword and was not seen again.<sup>22</sup>

Namun demikian di sini Swettenham tidak menyatakan sama ada lembing yang direjamkan itu mengenai sasarnya atau tidak; dan juga tidak menyatakan siapa yang menetak J.W.W. Birch di kepala. Dari gambaran di atas Swettenham telah menunjukkan bagaimana pembunuhan ke atas J.W.W. Birch berlaku. Walaupun demikian Swettenham membuat perbincangan dengan agak teliti mengenai pembunuhan J.W.W. Birch dalam bukunya *Malay Sketches* di mana mencatatkan:

The interpreter disposed of, Pandak Indut cried out, 'Here is Mr. Birch in the bath-house, come, let us kill him', and followed by three or four other shouting amok, amok, they leapt on to the floating timbers and thrust their spears through the open space in the front of the house.

At that time men in the boats could see Mr. Birch's head above the mat wall; it disappeared without any sound from him, and a moment after he came to the surface of the water astern of the house. Some of the murderers were already waiting there, and one of them, a man called Siputum, slashed the Resident [J.W.W. Birch] over the head with a sword. He sank and was not seen again.<sup>23</sup>

<sup>21</sup> Haji Buyong Adil, *Sejarah Perak*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 197, hal. 90.

<sup>22</sup> F. Swettenham, *British Malaya*, London, 1929, hal. 206.

<sup>23</sup> F. Swettenham, *Malay Sketches*, hal. 242. W.R. Roff, *Stories and Sketches by Sir Frank Swettenham*, hal. 83–84.

C.N. Parkinson pula mencatatkan:

Pandak Indut instantly stabbed him [Mat Arshad]. This was the signal for a rush at the bath-house, Birch being speared by Pandak Indut through the palm-leaf walls. A Malay called Seputum hacked him with a sword and his body fell into the river.<sup>24</sup>

Dalam *Nada Minggu*, seorang yang menamakan Senduk Emas mencatatkan dengan berdasarkan kepada A. Talib Haji Ahmad, *Darah Mengalir di Pasir Salak* J.W.W. Birch dibunuh oleh Si Bunga.<sup>25</sup> Manakala Ilias Haji Zaidi telah menulis sebuah rencana dan dengan berpandukan kepada kenyataan Koh Ah Yong yang memberi kenyataan dalam mahkamah menyatakan bahawa Seputum yang membunuh J.W.W. Birch. Di antara lain dicatatkan:

Seorang tukang emas Koh Ah Yong pula nampak Birch timbul dari dalam air dibalik tempat mandinya, cuba menaiki bot apabila Seputum menetak kepalanya dengan sebilah pedang yang panjang.<sup>26</sup>

Seterusnya dalam tulisannya yang sama Ilias Haji Zaidi menggunakan kenyataan Hoo Ah Choey yang juga memberi kenyataan dalam mahkamah mengenai pembunuhan J.W.W. Birch. Apa yang menarik di sini kenyataan yang dipetik dari Hoo Ah Choey berbeda dengan kenyataan Koh Ah Yong. Dimana di antara lain berbunyi:

Ho Ah Choey pula menyatakan dia nampak Pandak Indut menikam Birch dengan senjata tajam menyebabkan Birch melarikan diri terjun ke dalam air . . .

'Kemudian saya [Hoo Ah Choey] nampak Birch di dalam air di belakang bilik mandinya dan Seputum menetaknya dengan sebilah pedang. Dua kali dia menetak Birch.'<sup>27</sup>

Kalau diperhatikan di sini kedua sumber yang digunakan iaitu antara kenyataan Koh Ah Yong dengan Hoo Ah Choey terdapat sedikit perbedaan. Hoo Ah Choey menyatakan bahawa J.W.W. Birch terlebih dahulu ditikam dengan benda tajam oleh Pandak Indut dan seterus ditetak oleh Seputum sebanyak dua kali di dalam air di belakang bilik tempat mandinya, dan bukan ketika hendak menaiki botnya. Berdasarkan kepada kenyataan ini bermakna orang yang bertanggungjawab

<sup>24</sup> C.N. Parkinson, *British Intervention in Malaya 1867—1877*, University of Malaya Press, Singapore, 1960, hal. 238.

<sup>25</sup> Senduk Emas, 'Tugu Peringatan Di Sudut Sejarah — Penjajahan Di Perak', *Nada Minggu*, Ahmad 13hb. Mei 1979, hal. 9. Lihat juga A. Talib Haji Ahmad, *Darah Mengalir Di Pasir Salak*, Pustaka Antara Kuala Lumpur, 1978, hal. 32.

<sup>26</sup> Ilias Haji Zaidi, 'Sah: Seputum Bunuh Birch', *Utusan Malaysia*, Selasa 11hb. September 1979, hal. 4.

<sup>27</sup> 'Sah: Seputum Bunuh Birch', hal. 4.

membunuh J.W.W. Birch dan seterusnya menyebabkan J.W.W. Birch mati ialah Pandak Indut dan Seputum. Tulisan Ilias Haji Zaidi menarik minat Awang Selamat dan menyatakan bahawa gambaran itu berbeda dengan apa yang ditulis oleh Frank Swettenham di dalam bukunya *Malay Sketches*, di mana menyatakan bahawa Pandak Indut yang pertama membuat serangan di mana menikam Mat Arshad dan seterusnya ke tempat mandi dan berteriak mengatakan bahawa J.W.W. Birch ada di sini seraya menyeru supaya membunuh J.W.W. Birch. Dengan itu datang tiga empat orang lain sambil berteriak amok dan seterusnya merejamkan lembing ke arah tempat mandi J.W.W. Birch. J.W.W. Birch yang ada di dalam air tenggelam dan kemudiannya timbul semula di belakang rumah mandi dan seterusnya ditetak oleh Seputum dengan pedang. J.W.W. Birch tenggelam dan tidak timbul lagi.<sup>28</sup> R.O. Winstedt apabila menulis bersama R.J. Wilkinson bertajuk "A History of Perak" mencatitkan:

The Malays stabbed the elderly whiskered clerk [Mat Arshad] and leaping on to the bath-house speared the Resident [J.W.W. Birch] through the flimsy palm-leaf walls: as he lay half in the stream, one man Seputum hacked him with a sword; the body fell into the river and disappeared.<sup>29</sup>

M.A. Mallal dalam kajiannya dengan berdasarkan tulisan R.O. Winstedt dan R.J. Wilkinson "A History of Perak" berpendapat Seputum yang membunuh J.W.W. Birch. Selain dari itu menegaskan bahawa Pandak Indut yang menikam Mat Arshad.<sup>30</sup> Manakala dalam artikel bertajuk "Kebangkitan-kebangkitan anti-British di Semenanjung Tanah Melayu mencatitkan bahawa Seputum yang membunuh J.W.W. Birch.<sup>31</sup>

Dari perbincangan setakat ini jelas membuktikan bahawa Seputum ada menetak J.W.W. Birch dengan pedang. Namun demikian perlu juga diteliti di sini bahawa sebelum itu sememangnya ada di antara mereka yang terlibat dalam tentangan itu merejamkan lembing ke arah J.W.W. Birch yang sedang mandi. Kemudian dinyatakan bahawa Pandak Indut terlebih dahulu menikam J.W.W. Birch sebelum ia ditetak oleh Seputum. Bererti setakat ini tentang siapakah pembunuh J.W.W. Birch masih belum selesai. Juga bererti di sini kalau hanya didasarkan kepada sumber-sumber yang disebutkan di atas masih kabur tentang pembunuh J.W.W. Birch, sama ada Seputum atau Pandak Indut; atau Seputum, Pandak Indut dan beberapa orang lagi.

<sup>28</sup> Awang Selamat, "Seputum Pembunuh James Birch", *Mingguan Malaysia*, Ahad 23hb, September, 1979, hal. 4.

<sup>29</sup> R.O. Winstedt and R.J. Wilkinson, *A History of Perak*, M.B.R.A.S., reprint No. 3, Kuala Lumpur, 1974, hal. 114.

<sup>30</sup> M.A. Mallal, "J.W.W. Birch: Causes of his assassination", M.A. Thesis, University of Malaya, Singapore, 1952, hal. 178.

<sup>31</sup> Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Kebangkitan-kebangkitan Anti-British di Semenanjung Tanah Melayu", *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*, Penerbitan Persatuan Sejarah Malaysia, 1979, hal. 43.

Oleh itu dalam usaha menyelesaikan masalah ini dirasakan amat perlu meneliti rekod resmi British terutamanya kenyataan-kenyataan saksi dalam perbicaraan Maharaja Lela, Pandak Indut, Che Ngah Jabor, Panjang Bur, Che Ali @ Kulup Ali, Datuk Sagor dan Se Tuah di atas tuduhan bersubahat menyebabkan J.W.W. Birch dibunuh. Perbicaraan berjalan di Matang, Larut pada 14hb. Disember 1876 hingga 22hb. Disember 1876.<sup>32</sup> Hamid menyatakan bahawa Mat Arshad ditikam oleh Datuk Sagor sebelum terjun ke dalam air. Manakala J.W.W. Birch pula ditikam dengan lembing oleh Pandak Indut ketika sedang mandi. Namun demikian apabila disoal oleh J.D. Vaughan, pembela yang dituduh, Hamid menegaskan bahawa Mat Arshad lebih dahulu ditikam oleh Pandak Indut. Mat Arshad yang mengalami kecederaaan cuba menaiki perahu 'naga'; tetapi ketika ini datang dua orang dan salah seorangnya Seputum melukakan Mat Arshad di bahagian kepala. Namun demikian Hamid tidak dapat menentukan siapakah yang pertama mencederakan J.W.W. Birch.<sup>33</sup> Mat Tahir pula menegaskan bahawa Mat Arshad ditikam oleh Che Ali atau Kulup Ali. Seputum mencederakan Mat Arshad ketika menaiki perahu 'naga'. Juga menyatakan bahawa ketika mandi, nampak kepala J.W.W. Birch tetapi setelah direjami dengan lembing tidak kelihatan lagi. Mat Tahir menegaskan bahawa beliau berada dalam jarak kira-kira dua belas kaki ketika Mat Arshad ditikam oleh Che Ali.<sup>34</sup>

Manakala Sudin pula menyatakan bahawa Sekutum (Seputum) telah berteriak "Kita membawa titah — amok, amok!"<sup>35</sup> Se Gondah pula dalam kenyataannya, Mat Arshad ditikam dengan badik oleh Se Matsah. Manakala Che Ali, Ngah Jabor, Pandak Indut dan Se Tuah merejamkan lembing ke tempat J.W.W. Birch mandi. Seterusnya Se Gondah menyatakan:

I saw Mr. Birch when he rose in the water behind the bath-house — [Seputum] cut him over the head and he sank and I did not see him again.<sup>36</sup>

Raja Dein Meruwa yang hadir di rumah Maharaja Lela di hari pembunuhan J.W.W. Birch kerana dijemput oleh Se Gondah atas suruhan Maharaja Lela menyatakan bahawa beliau melihat dan mendengar sendiri di mana Pandak Indut, Seputum, Ngah Jabor, Se Tuah, Panjang Bur dan Che Ali mengakui membunuh J.W.W. Birch apabila ditanya oleh Maharaja Lela.<sup>37</sup> Abu dalam kenyataannya di Mahkamah

<sup>32</sup>C.O. 273/90, Gabenor Negeri-Negeri Selat kepada Pejabat Kolonial, 11hb. Januari 1877, terlampir enclosure 2, "Trial of Maharajah [Maharaja] Lela and others for murder of Mr. Birch", (seterusnya diringkaskan menjadi C.O. 273/90, "TMMB").

<sup>33</sup>C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Hamid, 14hb. Disember 1876.

<sup>34</sup>C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Mat Tahir, 15hb. Disember 1876.

<sup>35</sup>C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Sudin, 15hb. Disember 1876.

<sup>36</sup>

<sup>37</sup>C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Raja Dein Meruwa, 16hb. Disember 1876.

menegaskan bukan ‘amok’ yang disebutkan tetapi ‘orang suda [sudah] beramok.’<sup>38</sup> Koh Ah Yong tukang emas yang tinggal di Pasir Salak dan melihat kejadian itu menegaskan bahawa Pandak Indut menikam Mat Arshad. Kemudiannya Pandak Indut menjerit:

Here is Mr. Birch in the bath-house, come and kill him.<sup>39</sup>

Dengan itu Pandak Indut, Ngah Jabor, Panjang Bur, Se Tuah dan Seputum mara ke tempat J.W.W. Birch mandi. Koh Ah Yong melihat sendiri di mana Pandak Indut, Ngah Jabor, Panjang Bur dan Se Tuah merejamkan lembing ke arah rumah mandi tempat J.W.W. Birch mandi. J.W.W. Birch kemudiannya timbul di belakang rumah mandi dan ketika timbul dari dalam air ini beliau telah ditetak oleh Seputum dengan pedang di kepala dan leher. Koh Ah Yong melihat peristiwa ini dari tingkap rumahnya iaitu kira-kira dalam jarak lima belas kaki. Selain dari itu Koh Ah Yong menegaskan bahawa beliau tidak nampak Se Gondah menikam J.W.W. Birch; dan menafikan Se Tuah menikam Mat Arshad.<sup>40</sup> Khoo Ah Chai, tukang masak Koh Ah Yong menyatakan yang ia nampak Pandak Indut, Panjang Bur dan Che Ali mengoyakkan pengisyiharan yang dilekatkan di Kedai China itu. Pertengkaran berlaku dan Mat Arshad mlarikan diri menuju ke tempat J.W.W. Birch mandi. Beliau diikuti oleh Pandak Indut dan seterusnya ditikam oleh Pandak Indut. Pandak Indut kemudiannya menikam J.W.W. Birch; dan Seputum juga menikam J.W.W. Birch. Ketika menjawab soal balas J.D. Vaughan, Khoo Ah Chai menegaskan ‘I saw them with my own eyes...’ Seterusnya menambah:

I could not see the spears which were thrust in — to the bath-house taken effect on Mr. Birch. I saw Sekutum[Seputum] cut Mr. Birch twice on either — of the head.<sup>41</sup>

Pikai isteri Seputum pula dalam keterangannya menyatakan bahawa beliau mendengar orang kampung Pasir Salak mengatakan Seputum melukakan J.W.W. Birch.<sup>42</sup> Allong Nhor pula menegaskan apabila Maharaja Lela bertanya siapa membunuh J.W.W. Birch, datang dan menjawab:

No. 2 [Pandak Indut] came forward and said he had stabbed krani [kerani] Mat Arshad — No. 4 [Panjang Bur] said he had stabbed a sepoy — and he produced a rifle — No. 5 [Che Ali] said he did stab Mr. Birch — Seputum said he had inflicted a wound on Mr. Birch.<sup>43</sup>

<sup>38</sup>C.O. 273/90, “TMMB”, kenyataan Abu, 16hb. Disember 1876.

<sup>39</sup>C.O. 273/90, “TMMB”, kenyataan Koh Ah Yong, 16hb. Disember 1876.

<sup>40</sup>Ibid.

<sup>41</sup>C.O. 273/90, “TMMB”, kenyataan Khoo Ah Chai, 16hb. Disember, 1876.

<sup>42</sup>C.O. 273/90, “TMMB”, kenyataan Pikai, 18hb. Disember 1876.

<sup>43</sup>C.O. 273/90, “TMMB”, kenyataan Allong Nhor, 16hb. Disember 1876. Di masa kejadian ini beliau berada di rumah Maharaja Lela.

Juga Allong Nhor menyatakan bahawa dia ada bercakap-cakap dengan Ngah Jabor dan Che Ali. Dalam percakapan itu sambil menunjukkan lembing, Che Ali mengatakan bahawa dia menikam J.W.W. Birch dengan lembing yang dipegangnya itu.<sup>44</sup> Che Omar pula dalam kenyataannya menegaskan bahawa semasa kejadian pembunuhan J.W.W. Birch beliau berada di rumah Maharaja Lela, dan beliau mendengar laporan yang disampaikan oleh Ngah Jabor yang diarahkan menyelidiki apa yang telah berlaku di Pasir Salak bahawa Seputum menikam J.W.W. Birch.<sup>45</sup> Manakala Ngah Lahab menyatakan bahawa Seputum membunuh J.W.W. Birch kerana mendapat perintah. Seputum adalah pawang.<sup>46</sup> Mahkamah pula menyatakan bahawa Seputum ialah pawang dan bukan hamba.<sup>47</sup> Manakala Oodah Makam menyatakan bahawa di hari pembunuhan J.W.W. Birch itu beliau ada di rumah Maharaja Lela. Kedatangan beliau ini kerana mendengar kekacauan di Pasir Salak. Ketika di rumah Maharaja Lela beliau mendengar laporan Anjang Kinchan yang menegaskan, bahawa seputum menikam J.W.W. Birch di rumah mandi.<sup>48</sup> Anjang Kinchan pula dalam kenyataannya menyatakan:

I saw Seputum run down from the back with a spear and a 'lading'. I saw him thrust a spear into the bath-house and wound Mr. Birch.<sup>49</sup>

Setelah melihat kejadian inilah Anjang Kinchan melaporkan kepada Maharaja Lela bahawa Seputum menikam J.W.W. Birch. Namun demikian apabila ditanya balas oleh Frank Swettenham, Anjang Kinchan menegaskan ia nampak Seputum dan seterusnya menambah:

I don't know whether Seputum cut Mr. Birch or stabbed him — he had a spear and a sword.<sup>50</sup>

Seterusnya dalam kenyataannya Anjang Kinchan menegaskan lagi:

I was standing on the bank, opposite my bath-house, when I saw Seputum go down to Mr. Birch's bath-house.<sup>51</sup>

Se Choo pula dalam kenyataannya menegaskan bahawa beliau kenal Se Tuah dan melihat Se Tuah menikam Mat Arshad dengan lembing.<sup>52</sup> Manakala Osman, anak

<sup>44</sup>C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Allong Nhor, 16hb. Disember 1876.

<sup>45</sup>C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Che Omar, 20hb. Disember 1876.

<sup>46</sup>C.O. 273/90, "TMMB", Ngah Lahab, 20hb. Disember 1876.

<sup>47</sup>C.O. 273/90, "TMMB", by the court, 20hb. Disember 1876.

<sup>48</sup>C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Oodah Makam, 19hb. Disember 1876.

<sup>49</sup>C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Anjang Kinchan, 20hb. Disember 1876.

<sup>50</sup>*Ibid.*

<sup>51</sup>*Ibid.*

<sup>52</sup>C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Se Choo, 20hb. Disember 1876.

angkat Maharaja Lela menyatakan bahawa beliau mendengar laporan dari Ngah Jabor yang dihantar oleh Maharaja Lela menyiasat kejadian di tebing sungai di Pasir Salak menyatakan bahawa Seputum menikam J.W.W. Birch. Sebenarnya Ngah Jabor tidak sampai ke tebing sungai, sebaliknya dalam perjalanan beliau menemui seorang dan melaporkan kepada Ngah Jabor bahawa Seputum menikam J.W.W. Birch.<sup>53</sup> Abdullah yang ada di rumah Maharaja Lela ketika pembunuhan Birch menyatakan bahawa beliau mendengar Anjang Kinchan melaporkan yang Seputum menikam J.W.W. Birch. Seputum menjalankan tugasnya itu dengan perintah.<sup>54</sup>

Seterusnya untuk menentukan orang yang bertanggungjawab menyebabkan J.W.W. Birch terbunuh maka amatlah dirasakan perlu meneliti kecederaan yang dialami oleh J.W.W. Birch. Melalui penelitian ke atas kecederaan ini akan memberi penunjuk yang agak bererti dalam penentuan tentang siapakah orang yang bertanggungjawab di atas kematian J.W.W. Birch. Dikatakan demikian, kerana dengan melihat kecederaan yang dialami akan dapat memberi panduan sama ada kecederaan itu disebabkan oleh lembing, pedang atau benda-benda tajam yang lain. Inspektor Lagis bin Suboh, iaitu Inspektor di Bandar Baru yang melihat kecederaan yang dialami oleh J.W.W. Birch melaporkan:

There were stab wounds on the body, such as would be inflicted by spears — the left foot had apparently been chopped by 'parang' the toes were cut off — there were incised wounds on the head and hands.<sup>55</sup>

Tentang kecederaan Mat Arshad, Inspektor Lagis menyatakan bahawa ia tidak melihat dengan teliti. Walaupun demikian Inspektor Lagis menyatakan bahawa Mat Arshad mengalami kecederaan (luka) di perut, bahu dan kepala. Luka di perut disebabkan oleh senjata tajam seperti lembing dan di kepala akibat pedang atau *chopping knife*.<sup>56</sup> Dalam suratnya kepada Setiausaha Negeri-Negeri Selat dan didasarkan kepada laporan Dein Patundo yang menemui mayat J.W.W. Birch, Swettenham menyatakan bahawa J.W.W. Birch mengalami luka yang parah di belakang tengok dan dada; jari kaki kanan putus. Swettenham berpendapat bahawa J.W.W. Birch jatuh ke dalam air setelah direjami dengan lembing pada kali pertama dan lepas itu dicederakan:

Mr. Birch was speared by several men (the first a Batak named Pandek [Pandak] Indut), he fell down into the water and as he rose others inflicted more wounds.<sup>57</sup>

---

<sup>53</sup> C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Osman, 21hb. Disember 1876.

<sup>54</sup> C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Abdullah, 21hb. Disember 1876.

<sup>55</sup> C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Inspektor Lagis bin Suboh, 19hb. Disember 1876.

<sup>56</sup> *Ibid.*

<sup>57</sup> C.O. 273/90, Swettenham kepada Setiausaha Kolonial Negeri-Negeri Selat, 18hb. November 1875.

Mayat J.W.W. Birch dijumpai di tempat kira-kira 200 ela dari tempat kejadian dan mayatnya itu ditemui oleh Dein Patundo anak Raja Dein.<sup>58</sup> Tentang pembunuhan J.W.W. Birch dimuatkan lagi dalam *Enquiry as to complicity of Chief in the Perak Outrages Precis of Evidence* di mana memuatkan kenyataan Se Gondah yang berbunyi:

Pandak Indoot [Indut] run down to the bath house with a spear in each hand. Pandak Indoot stabbed Mr. Birch, Che Alli then stabbed him, Ngah Jabbar [Ngah jabor] stabbed him also. That was at the door of the bath house. At the back, Se Tuah, and Se Kutum [Seputum] were standing, Se Tuah stabbed Mr. Birch with a spear given to him by the Maharaja Lela, and Se Kutum cut him with a sword . . .<sup>59</sup>

Juga dalam sumber yang sama dicatitkan:

A number of Malays made a rush to the floating bath and speared Mr. Birch.<sup>60</sup>

Seterusnya dalam tajuk "Enquiry as to Complicity of Chief in the Perak Outrages, Abridgement of Evidence, Arranged various heads", dicatitkan tentang pembunuhan J.W.W. Birch, Allong Nor menyatakan bahawa beliau mendengar kenyataan dari orang yang terlibat dan mengakui membunuh J.W.W. Birch iaitu Pandak Indut, Kulup Ali dan Seputum.<sup>61</sup> Haji Ali menyatakan Ngah Jabor dan Se Mai merejami lembing kepada J.W.W. Birch.<sup>62</sup> Manakala Seputum dalam kenyataan menyatakan Se Gondah berlari menuju ke tempat J.W.W. Birch mandi dan menikam J.W.W. Birch. Pandak Indut menikam Mat Arshad ketika lari menuju ke arah tempat J.W.W. Birch mandi. Ngah Jabor juga menikam J.W.W. Birch. Seputum mengakui bahawa ia menetak dua kali J.W.W. Birch ketika di dalam air.<sup>63</sup> Manakala Se Gondah pula menyatakan Semat Sah (Se Matsah) dan Se Tahir yang menikam Mat Arshad. Manakala Pandak Indut berlari ke arah tempat J.W.W. Birch mandi dan merejami serta menikam dengan lembing. Kulup Ali dan Ngah Jabor yang ada di hadapan pintu rumah mandi itu juga merejami lembing ke arah J.W.W. Birch. Seterusnya Se Tuah yang ada di belakang rumah mandi menikam J.W.W. Birch dengan lembing yang diberikan oleh Maharaja Lela. Juga yang ada sama dengan Se Tuah iaitu Seputum menetak J.W.W. Birch dengan pedang.<sup>64</sup> Seekye (orang yang

<sup>58</sup> *Ibid.*

<sup>59</sup> C.O. 273/86, *Enquiry as to complicity of chief in the Perak outrages Precis of Evidence*, Government Printing Press, Singapore, 1876. (Seterusnya diringkaskan menjadi C.O. 273/86 'ECCPO').

<sup>60</sup> *Ibid.*

<sup>61</sup> C.O. 273/86, 'ECCPO', terlampir "Enquiry as to Complicity of Chief in the Perak Outrages, Abridgement of Evidence, Arranged various heads", kenyataan Allong Nor.

<sup>62</sup> C.O. 273/86, 'ECCPO', kenyataan Haji Ali.

<sup>63</sup> C.O. 273/86, 'ECCPO', kenyataan Seputum.

<sup>64</sup> C.O. 273/86, 'ECCPO', kenyataan Se Gondah.

sama dengan Pikai) isteri Seputum dalam kenyataannya pula menegaskan bahawa beliau bertanyakan Seputum siapa yang membunuh J.W.W. Birch, dan Seputum mengakui dia dan Pandak Indut membunuh J.W.W. Birch.<sup>65</sup>

Dari huraian yang dibuat dan didasarkan kepada buku-buku, kajian ilmiah dan rekod resmi British menunjukkan berbagai perbedaan tentang pembunuhan J.W.W. Birch. Walaupun demikian kebanyakannya sumber-sumber kecuali A. Talib bin Haji Ahmad dan Senduk Emas menyatakan Seputum menetak J.W.W. Birch. Manakala A. Talib dan Senduk Emas mencatitkan J.W.W. Birch dibunuh oleh Si Bunga. Persoalannya di sini apakah Seputum dan Si Bunga ini orang yang sama? Dalam kajian yang dijalankan Seputum tidak pernah disebut Si Bunga, tetapi ada kadang-kala disebut Sekutum. Namun demikian Seputum dan Sekutum adalah orang yang sama. Berdasarkan daripada sumber-sumber yang digunakan jelas menunjukkan bahawa orang terakhir yang menetak J.W.W. Birch ialah Seputum.

Persoalan yang juga dirasakan perlu ditimbulkan di sini apakah Seputum yang bertanggungjawab menyebabkan J.W.W. Birch terbunuh? Kebanyakan tulisan yang telah diterbitkan, walaupun mengakui beberapa orang datang merejami lembing ke tempat mandi J.W.W. Birch tetapi tidak jelas menyatakan sama ada lembing itu mengenai J.W.W. Birch atau tidak. Sebaliknya terus mencatitkan Seputum menetak J.W.W. Birch di dalam air dan seterusnya hilang. Perkara yang perlu diperhatikan di sini ialah tentang kesan luka di badan J.W.W. Birch. Apakah luka itu akibat dan tikaman lembing? Kalau ini benar bererti J.W.W. Birch telah mengalami kecederaan atau telah dilukakan sebelum ditetak oleh Seputum. Sebagaimana dinyatakan sebelum ini, jelas menunjukkan bahawa badan J.W.W. Birch mengalami beberapa kesan tikaman dan sudah pasti disebabkan oleh lembing-lembing yang direjamkan ke arahnya. Selain dari itu terdapat juga kecederaan ditetak di kaki kiri dan jari kaki kiri, kepala dan tangan yang sudah pasti oleh pedang Seputum. Bermakna di sini J.W.W. Birch terbunuh disebabkan oleh tikaman lembing dan tetakan pedang Seputum. Juga bererti di sini sebelum Seputum menetak J.W.W. Birch, J.W.W. Birch telahpun tertikam oleh lembing yang direjamai ke arahnya. Dari sini dapat dikatakan ketika di dalam rumah mandi, J.W.W. Birch direjamai dengan lembing dan beliau mengalami kecederaan. Akibat rejaman ini J.W.W. Birch jatuh ke dalam air dan ketika timbul di belakang rumah mandi, ditikam dengan lembing oleh Se Tuah dan seterusnya ditetak dua kali oleh Seputum. Bererti di sini bahawa beberapa orang terlibat menyebabkan J.W.W. Birch terbunuh. Mengenai Seputum yang menetak J.W.W. Birch tidak dapat disangkal lagi. Hanya yang masih menjadi persoalan ialah tentang siapakah yang pertama merejami lembing dan mencederakan J.W.W. Birch. Dari apa yang dibincangkan menunjukkan bahawa beberapa orang seperti Pandak Indut, Ngah Jabor, Panjang Bur, Se Tuah dan Seputum mara ke tempat J.W.W. Birch mandi. Juga dinyatakan mereka ini merejami lembing ke arah J.W.W. Birch yang sedang mandi di rumah mandi. Dari huraian sebelum ini dapat dikatakan bahawa orang yang pertama tiba di tempat J.W.W. Birch mandi ialah Pandak Indut. Apabila tiba di sini Pandak Indut berteriak mengajak supaya membunuh J.W.W. Birch. Sudah pasti Pandak Indut yang

<sup>65</sup>C.O. 273/86, 'ECCPO', kenyataan Seekye.

pertama merejami lembing ke arah J.W.W. Birch. Lepas itu beberapa orang lain seperti Kulup Ali (Che Ali), Ngah Jabor, dan Panjang Bur turut merejami lembing ke arah J.W.W. Birch.

Sebagai kesimpulan dapatlah dikatakan bahawa orang yang pertama merejami lembing ke arah J.W.W. Birch yang sedang mandi di rumah mandi ialah Pandak Indut Kemudiannya diikuti oleh Kulup Ali, Ngah Jabor dan Panjang Bur. Serangan ini menyebabkan J.W.W. Birch jatuh ke dalam air. Seterusnya ketika timbul di belakang rumah mandi J.W.W. Birch ditikam dengan lembing oleh Se Tuah dan ditetak oleh Seputum.

#### SINGKATAN

C.O.	—	Colonial Office
ECCPO	—	Enquiry as to Complicity of Chief in the Perak Outrages Precis of Evidence
TMMB	—	Trial of Maharajah Lela and others for murder of Mr. Birch